

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/3 JLD.3(1)

02 Mac 2026
Ramadhan 1447

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2026

PELANJUTAN PENGECCUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.141 pada 10 November 2025 telah meluluskan cadangan untuk menerima pakai Pelanjutan Pengeccualian Tatacara Perolehan Bagi Dana Penyelidikan.

2. Pekeliling ini dikeluarkan kepada semua Warga Universiti untuk menerangkan pelaksanaan Pengeccualian Tatacara Perolehan yang telah diluluskan dalam konteks perolehan projek penyelidikan Universiti.
3. Sehubungan dengan itu, seluruh Warga Universiti yang terlibat diminta mengambil maklum dan mengguna pakai Pekeliling tersebut yang boleh dimuat turun di laman web rasmi Jabatan Bendahari <https://bursary.utm.my>. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan sehingga 31 Disember 2026.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro Naib Canselor Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pengarah Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah



PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2026

**PELANJUTAN PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN
BAGI DANA PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
2 MAC 2026**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Jabatan Bendahari
Universiti Teknologi Malaysia
81310, UTM Skudai
Johor Darul Takzim
Malaysia

Tel: +(6)07-5533333 Faks: +(6)07-5579887 <https://www.utm.my/>

Emel: bendahari@utm.my

Ruj.Kami UTM.J.03.01/10.12/3 JLD.3(1)

Tarikh : 02 Mac 2026

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2026

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Dekan/Pengerusi/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr /Saudara,

PELANJUTAN PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah untuk menerangkan berkaitan Pengecualian Tatacara Perolehan bagi Dana Penyelidikan sepertimana surat rasmi daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bernombor rujukan

MOF.BPK(S)600-1/10/26 JLD.3 (40) bertarikh 9 April 2025 telah bersetuju supaya pelanjutan pengecualian tatacara perolehan bagi Dana Penyelidikan diberikan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

- 1.2 Cadangan menerima pakai Pelaksanaan Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Dana Penyelidikan telah diluluskan kali pertama dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UTM Bil.129 pada 13 Disember 2023.
- 1.3 Tatacara ini telah dibentangkan untuk perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Universiti Bil.3/2025 pada 24 April 2025 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.138 pada 8 Mei 2025. Susulan itu, penambahbaikan telah dilaksanakan seperti yang disyorkan sebelum dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Universiti Bil.4/2025 pada 25 Ogos 2025 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.141 pada 10 November 2025 untuk kelulusan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tujuan pelanjutan pengecualian tatacara perolehan ini adalah bagi memastikan kelangsungan dan kelancaran aktiviti penyelidikan yang perlu disempurnakan dalam tempoh singkat, sejajar dengan aspirasi negara dalam memperkasa pendidikan tinggi dan inovasi penyelidikan.
- 2.2 Tatacara ini terpakai kepada semua Dana Penyelidikan yang diterima daripada Sumber Kerajaan atau selain Sumber Kerajaan, sama ada dari dalam atau Luar Negara serta Sumber Dalaman Universiti bagi pelaksanaan projek/program penyelidikan sahaja.
- 2.3 Antara contoh pemberi dana Universiti adalah terdiri daripada Agensi Kerajaan Malaysia, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Perubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Swasta, Industri dan Komuniti.

3.0 TAKRIFAN

- 3.1 **Dana Penyelidikan** - Sumber Kewangan atau peruntukan yang diagih atau disalurkan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan.
- 3.2 **Sumber Kerajaan** - Peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk geran, pinjaman, atau sebarang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan samada sepenuhnya atau sebahagian.
- 3.3 **Sumber Dalaman** - Terimaan hasil atau peruntukan selain sumber Kerajaan Persekutuan.
- 3.4 **Syarikat Bumiputera** - Syarikat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

4.0 PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN

Bagi menyokong ekosistem penyelidikan Universiti dengan mengambilkira kawalan serta prinsip perolehan yang telus, adil, saksama dan memberikan nilai faedah terbaik, pengecualian proses perolehan bagi Dana Penyelidikan telah diluluskan bagi **tiga (3) perkara berikut**:

4.1 Pembelian Terus

- 4.1.1 Pembelian Terus bagi perolehan penyelidikan yang bernilai sehingga RM50 ribu tanpa mengambil kira sama ada menggunakan Sumber Kerajaan atau Sumber Dalaman Universiti Sepenuhnya dan diluluskan oleh Ketua PTJ/ Pegawai yang telah diturun kuasa secara bersurat;

4.1.2 Tatacara perolehan secara pembelian terus ini adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil.2/2024 - Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa.

4.2 Pengecualian Keutamaan Pelawaan dalam kalangan Syarikat Bumiputera bagi perolehan melebihi RM50 ribu hingga RM100 ribu.

4.2.1 Bagi perolehan penyelidikan bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu diberikan pengecualian keutamaan pelawaan kepada syarikat bertaraf Bumiputera dengan membenarkan pelawaan kepada semua pembekal di mana syarikat bertaraf Bumiputera diberi peratus keutamaan harga (*Margin of Preference-MOP*) sebanyak 10%.

4.2.2 Tatacara perolehan yang lain adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil.2/2024 - Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa.

4.3 Rundingan Terus

4.3.1 Kaedah perolehan secara Rundingan Terus bagi perolehan penyelidikan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu tanpa mengambilkira Sumber Kerajaan atau Sumber Dalamannya sekiranya menepati salah satu kriteria seperti berikut;

- i. Kesegeraan atas kepentingan awam
- ii. Bagi maksud penyeragaman
- iii. Satu punca bekalan/perkhidmatan (Pembuat/Pemegang *Francais*)
- iv. Melibatkan keselamatan/strategik
- v. Kontrak dengan syarikat Bumiputera

- vi. Terdapat agen di Malaysia, tetapi harga yang ditawarkan melebihi 30% daripada harga prinsipal atau melebihi peruntukan yang diberikan oleh pemberi dana
- vii. Tiada agen di Malaysia yang dilantik oleh prinsipal
- viii. Kolaborasi penyelidikan bersama rakan strategik
- ix. Atas arahan penaja secara bertulis dinyatakan di dalam dokumen perjanjian atau lain-lain dokumen bahawa syarikat atau skop tertentu bagi pelaksanaan sebarang projek/program penyelidikan.

4.3.2 Pemohon perlu mendapatkan pengesahan daripada prinsipal bagi pembuktian tiada lantikan agen di Malaysia atau sebagai agen/ pembekal tunggal.

4.3.3 Kuasa melulus bagi Rundingan Terus yang dilaksanakan di bawah Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Dana Penyelidikan ini telah ditambahbaik mengikut had nilai dan kuasa melulus seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Sebutharga B (Khas) Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) – (JKSH B (Khas) JTNCPI)

Jawatankuasa Sebutharga B (Khas) ditubuhkan di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bagi meluluskan perolehan secara Rundingan Terus bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM200 ribu.

Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan korumn hendaklah sekurang-kurangnya 3 orang ahli yang terdiri daripada Pengerusi *Research Alliance*, wakil daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) serta seorang Setiausaha yang merupakan Pegawai Kewangan

(Akauntan) di Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

(b) Lembaga Perolehan Universiti bagi perolehan melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.

Manakala bagi perolehan Rundingan Terus menggunakan Dana Penyelidikan bernilai melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu pula hendaklah dibawa untuk kelulusan Lembaga Perolehan Universiti yang di urusetia oleh Jabatan Bendahari.

- 4.3.4 Pegawai yang menguruskan perolehan ini hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi mendapatkan nilai faedah yang terbaik kepada Universiti dan mendapatkan pengesahan/persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis melalui emel atau faks sebelum dibawa untuk kelulusan.
- 4.3.5 Jawatankuasa Penilaian PTJ hendaklah menyediakan Laporan Penilaian bagi memastikan syarat-syarat perolehan penyelidikan secara Rundingan Terus dipatuhi, menilai kemampuan syarikat dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti syarat dan kadar bayaran, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan dan lain-lain kriteria yang telah ditetapkan.
- 4.3.6 Jawatankuasa Penilaian PTJ perlu memperakukan pemilihan syarikat/pembekal yang layak kepada Pihak Berkuasa Melulus berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan PTJ.
- 4.3.7 Tatacara perolehan secara Rundingan Terus yang lain adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil.2/2024 - Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa.

5.0 PEMATUHAN

5.1 Kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Hanya terpakai untuk perolehan yang berkaitan pelaksanaan projek/program penyelidikan sahaja dan tidak terpakai bagi perolehan lain;
- ii. Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi;
- iii. Semua tatacara/peraturan kewangan dan perolehan yang sedang berkuatkuasa selain daripada tatacara yang diberikan pengecualian hendaklah dipatuhi;
- iv. Menepati salah satu kriteria seperti yang dinyatakan pada perkara 4.3.1;
- v. Pengecualian diberikan sehingga **31 Disember 2026** sahaja tertakluk kepada pengauditan ke atas pematuhan tatacara berdasarkan kelulusan oleh Audit Dalam UTM / Kementerian Kewangan Malaysia.

5.2 Prinsip perolehan berdasarkan amalan tadbir urus terbaik (*good governance*) hendaklah dilaksanakan bagi memberi faedah terbaik kepada Universiti serta memastikan kepentingan Universiti adalah terpelihara.

6.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan sehingga **31 Disember 2026** selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) menerusi surat bernombor rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 JLD.3 (40) bertarikh 9 April 2025.

6.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil.2/2024 - Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan.